

## ***Hikayat Sultan Ibrahim Adham: Perlambangan Ujian Hidup Berpandukan Kalam Tuhan***

Muhammad Ghazali Mohd Ros<sup>1\*</sup> dan Shaiful Bahri Md. Radzi<sup>1</sup>

<sup>1</sup>*Universiti Kebangsaan Malaysia.*

### **ABSTRAK**

*Sufi atau tasawuf merupakan salah satu wadah penyebaran Islam di Alam Melayu. Berbeza dengan disiplin ilmu fekah yang lebih mementingkan hal-hal berkaitan hukum hakam, tasawuf sebaliknya memberikan tumpuan khusus kepada aspek tazkiyatun nafs (penyucian jiwa). Alam Melayu telah menyaksikan munculnya ramai tokoh tasawuf, disamping turut mencetuskan perdebatan hebat yang masih menjadi perbincangan sehingga ke hari ini. Kesannya, wujud sebahagian masyarakat yang memandang serong terhadap hal-hal berkaitan kesufian. Sebagai sebuah hikayat yang popular dalam tradisi kesusasteraan sufi, Hikayat Sultan Ibrahim Adham telah memancarkan ketinggian akhlak, serta perjalanan salik seorang hamba dalam mencapai cinta Khaliqnya. Sehingga kini, terdapat pelbagai kajian yang telah menyentuh perihal kezuhudan watak utamanya, Sultan Ibrahim Adham. Walau bagaimanapun, penafsiran hikayat tersebut dalam konteks dakwah secara harfiah bakal menimbulkan tanggapan yang negatif, serta salah faham terhadap golongan sufi dalam menanggapi rentetan ujian hidup. Golongan sufi dilihat seolah-olah tidak bertanggungjawab terhadap kehidupan dengan meminggirkan hal-hal berkaitan keduniaan serta kekeluargaan, sehingga ia dilihat tidak lagi relevan dalam kehidupan masyarakat masa kini. Sebagaimana kebanyakan naskhah sufi yang lain, Hikayat Sultan Ibrahim juga memiliki perlambangan yang perlu diterjemahkan dengan lapis makna yang lebih mendalam. Dengan berpandukan pendekatan Al-Quran, makalah ini akan menafsirkan Hikayat Sultan Ibrahim Adham sebagai sebuah perlambangan terhadap tiga bentuk ujian terbesar dalam kehidupan manusia iaitu wanita, zuriat keturunan, serta harta kekayaan. Kesemua ujian tersebut dilihat sentiasa hadir dan berputar sepanjang zaman. Justeru, ianya bakal memperbetulkan salah faham masyarakat, serta mengangkat kembali kedudukan hikayat tersebut sebagai naskhah sufi yang masih relevan untuk dihayati, serta diteladani sehingga ke hari ini.*

**Kata Kunci:** Sufi, Sultan Ibrahim Adham, Wanita, Zuriat dan Kekayaan.

### **ABSTRACT**

*Sufi or Tasawuf, is one of the platform used to spread Islam to the Malay world. Unlike the discipline of Fekah in which stresses on the aspects of law, Tasawuf focusses on the aspects Tazkiyatun Nafs (The Purification of the Soul). The Malay world have witnessed the emergence of numerous Tasawuf Scholars, in which spontaneously have triggered many debates until today. The effects are, some of the Malay communities began to have negative perspective in regards to Sufism. In one of the famous Hikayat in Sufi literature, Hikayat Sultan Ibrahim Adham have showcased the peak of mannerism (Akhlak), also the spiritual journey in achieving his love to his Khaliq. Up to this point, an extensive research have been conducted in regards to Sultan Ibrahim Adham's humble characteristics. Although the Hikayat have been analysed under the context of dakwah literally, it will eventually give rise to a negative perspective. The Sufis are depicted as irresponsible towards life as they are seen neglecting the aspects of worldly and family. To the point, Sufis are considered irrelevant in today's context. Similar to other Sufi's works, the Hikayat Sultan Ibrahim Adham have a few aspects of constitution that needs to be translated and studied extensively. By using the Koran as an approach or framework, this will help to decipher the*

---

\*Koresponden: ghazalimohd1990@gmail.com

*Hikayat Sultan Ibrahim Adham and turn it into a form of a solid constitution suitable to analyse three major life trials: women, descendants, and riches. All of the life trials are seen constantly appear at all times. Therefore, this research will correct the people's misconception, and will return back its glory as a work of Sufi that is still relevant to be appreciated and followed into today's context.*

**Keyword:** Sufism, Sultan Ibrahim Adham, Women, Descendent and Riches.

## PENDAHULUAN

Kedatangan Islam membawa rahmat dan sinar baru di Alam Melayu. Bermula ketibaannya pada abad ke-9, serta penyebarannya secara menyeluruh pada abad ke-15, kemunculan Islam telah menyaksikan berlakunya perubahan dalam pelbagai lapangan kehidupan (Mahayudin Yahaya, 1998; Syed Muhammad Naquib Al-Attas, 1999). Selain membawa kitab berkaitan ajaran Islam yang bersifat khusus seperti Al-Quran dan hadis nabi, golongan pendakwah turut membawa bersama karya-karya kesusasteraan yang meliputi hikayat dari dunia Arab dan Parsi. Kisah-kisah hikayat ini telah memainkan peranan sebagai pelengkap terhadap kefahaman Islam, bahkan kemudiannya telah menyebar dengan begitu pesat di Kepulauan Melayu (Ismail Hamid 1983). Salah satu daripada cabang kesusasteraan hikayat Islam merupakan kisah-kisah yang mengangkat kehidupan tokoh-tokoh sufi. Dipersembahkan dengan penuh hikmah dan berseni, naratifnya mengangkat tema pengamalan penyucian jiwa yang sempurna. Sebagai sebuah karya yang terkenal dalam tradisi kesufian, *Hikayat Sultan Ibrahim Adham* telah berjaya membawa pembaca menelusuri sebuah perjalanan hidup yang penuh dengan rintangan. Penguzlahannya berakhir dengan sebuah kejayaan dalam mencapai kemanisan iman, meski terpaksa meninggalkan harta serta keluarga yang tercinta.

Walau bagaimapun, sastera sufi seringkali menimbulkan isu dan polemik hingga mencetuskan banyak perdebatan.<sup>1</sup> Kemunculan stigma negatif terhadap hal-hal berkaitan tasawuf, pada dasarnya adalah disebabkan kegagalan dalam memahami kehalusan dan ketinggian aliran sufi itu sendiri. Penafsiran yang bersifat literal tanpa penghayatan yang mendalam, bakal menatihahkan pemahaman yang menyimpang dari makna yang harmoni. Dalam konteks ini, *Hikayat Sultan Ibrahim Adham* tidak terlepas daripada menerima kritikan, serta salah faham dalam memahami erti sebenar hikayat tersebut. Sebahagian pengkaji kesusasteraan juga bersikap sinis dengan menganggap naskhah tersebut tidak memberikan faedah kepada masyarakat Melayu, bahkan menyimpang dari kefahaman Islam yang sebenar. Hakikatnya, penelitian secara mendalam memperlihatkan bahawa hikayat tersebut merupakan perlambangan terhadap ujian hidup manusia. Lebih mengujakan lagi, tiga bentuk ujian yang terdiri daripada wanita, zuriat keturunan, serta harta kekayaan, turut diperkatakan di dalam kitab Al-Quran. Justeru, makalah ini akan membawa pembaca untuk mengenali *Hikayat Sultan Ibrahim Adham* dalam perspektif yang berbeza, serta sesuai untuk dihayati dalam konteks hari ini.

## HIKAYAT SULTAN IBRAHIM ADHAM

Selari dengan kemasukan ajaran Islam, hikayat yang mengangkat tema kehidupan tokoh-tokoh sufi telah berkembang di Alam Melayu menerusi pengajian-pengajian keagamaan yang bercorak tasawuf dan tarekat. Dalam sejarah kesusasteraan Islam, kehadiran kisah-kisah bercorak kesufian ini pada asalnya lahir daripada sifat ketidakpuasan hati sekelompok kecil umat Islam, terhadap cara hidup masyarakat Bani Umayyah yang gemar berfoya-foya dan berhibur. Golongan ini kemudiannya bergerak menyeru manusia mengubah corak fikir daripada memperkatakan tentang kemabukan cinta sesama manusia, kepada keasyikan cinta terhadap *Khaliqnya* (Ismail Hamid 1983: 83).

Kemunculan hikayat tokoh-tokoh sufi seperti *Hikayat Wasiat Luqman Al-Hakim*, *Hikayat Abu Yazid Al-Bistami*, *Hikayat Rabiah Al-Adawiyyah*, *Hikayat Syeikh Abdul Qadir Jilani*, *Hikayat Darma Ta'siah*, serta *Hikayat Sultan Ibrahim Adham*, telah menjadi salah satu wadah dakwah dengan kaedah yang sangat halus dan mengasyikkan. Golongan sufi dilihat sebagai kelompok manusia yang berjaya membuang kecintaan dunia dari hati nurani (*takhalli*), seterusnya memasukkan kecintaan akhirat sebagai tujuan hidup yang abadi (*tahalli*). Dengan kata lain, kelompok sufi telah mengamalkan cara hidup yang penuh kezuhudan dan sifat *qanaah* terhadap sebarang ketentuan yang ditakdirkan kepada mereka.

Dalam kalangan masyarakat Melayu, kisah mengenai Ibrahim bin Adham merupakan kisah yang paling terkenal, malah masih terus diperkatakan sehingga ke hari ini. Keistimewaan hikayat tersebut jelas terpancar menerusi pemaparan perjalanan salik yang penuh dengan rintangan, serta kesempurnaan pengamalan sifat zuhud dan tawakal watak utamanya. Dengan kata lain, *Hikayat Sultan Ibrahim* merupakan sebuah kisah sufi yang wajar diteladani, dalam usaha setiap hamba mendekatkan diri dengan Penciptanya. Meninjau dari perspektif sejarah, Ibrahim Adham bukanlah merupakan seorang raja di negeri Iraq, sebagaimana yang dilukiskan pengarang menerusi hikayat. Beliau merupakan rakyat biasa yang lahir di Balkh (wilayah Afghanistan Utara) pada tahun 730, dan kemudiannya meninggal dunia dalam satu ekspedisi ketenteraan pada tahun 778. Kehidupannya banyak dihabiskan dengan mengembala dari satu bandar ke satu bandar yang lain, antaranya termasuklah Turki, Syria, Lubnan, dan Palestin (Russell Jones 1983: 2). Walau bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa beliau merupakan seorang yang sangat zuhud, serta sangat dihormati dalam kalangan masyarakat (Braginsky 1994, Tsugitaka Sato 2007). Di Alam Melayu, *Hikayat Sultan Ibrahim Adham* dipercayai telah dikarang oleh Syeikh Abu Bakar yang berasal dari Hadralmaut, sekitar abad ke-17 (Braginsky 1994: 219).<sup>2</sup>

Meskipun naskhah tersebut merupakan sebuah fiksyen yang dibawa masuk dari dunia Timur Tengah, namun kehebatan *Hikayat Ibrahim Adham* masih tetap diperakui sebagai sebuah teladan unggul dalam kalangan masyarakat Melayu (khususnya bagi kaum sufi). Watak utamanya bukan sahaja berupaya menangkis pelbagai cabaran dan ujian kehidupan, sebaliknya turut meninggalkan kesan keinsafan dan perenungan yang mendalam bagi diri pembaca. Walau bagaimanapun, terdapat juga sebahagian masyarakat (termasuklah para peneliti kesusasteraan Melayu sendiri) yang memandang negatif terhadap hikayat tersebut. Ismail Hamid dan Wahyunah Abdul Ghani (2002:155) dalam menghuraikan tentang kefahaman sufi *Hikayat Sultan Ibrahim Adham*, menyebutkan bahawa hikayat tersebut adalah tidak bersesuaian dengan kefahaman Islam yang sebenar, kerana menolak kepentingan dunia. Menurut Hamdan Hassan pula (1980:93-94), karya sastera yang memaparkan penolakan terhadap kehidupan dunia adalah bersifat merugikan masyarakat Melayu. Pandangan-pandangan tersebut dilihat bertentangan dengan corak pemikiran dan pegangan dalam kalangan pendukung sufi serta tarekat.

Dalam konteks dunia masa kini, selain daripada meneladani sifat zuhud dan tawakal golongan ahli sufi terdahulu, para pembaca (termasuk juga para peneliti) hikayat juga sewajarnya menilai naskhah agiografi sufi melalui sudut pandangan yang lebih kritis dan mendalam. Penafsiran karya-karya sufi berdasarkan sudut pandangan yang literal, pada penghujungnya bakal mengundang stigma dan salah faham terhadap keindahan dunia tasawuf itu sendiri. Lebih membimbangkan lagi, para pembaca akan beranggapan bahawa tokoh sufi bersifat tidak bertanggungjawab terhadap negara, isteri, zuriat keturunan, serta tidak memenuhi tuntutan keperluan diri dengan meninggalkan pekerjaan sehari-hari mereka. Majoriti daripada para peneliti telah menghuraikan dengan panjang lebar perihal sifat-sifat mulia Ibrahim Adham seperti tawakal, zuhud, dan penolakan takhta kerajaan, yang sememangnya telah menjadi pengetahuan umum bagi masyarakat.

Berbeza dengan pandangan para sarjana lainnya, Braginsky (1994:216-220) dilihat tampil mengungkapkan hikayat tersebut sebagai sebuah ‘anti hikayat’ pertama yang muncul di Alam Melayu. Hampir keseluruhan kisah hikayat telah membentangkan kejayaan watak utamanya menentang musuh, mengawini puteri raja, dan berakhir dengan kegembiraan hidup. Sebaliknya, *Hikayat Sultan Ibrahim* menampilkan rentetan pengorbanan yang bernada sayu demi mencapai matlamat hidup yang lebih mustahak. Pandangan ini memperlihatkan perbezaan dalam menilai makna sebenar kejayaan dalam kehidupan manusia.

Bagi Ibrahim Adham, segala bentuk pengorbanan dan kesedihan yang dilalui, merupakan suatu bentuk ‘keasyikan’ dan *halawatul iman*, hingga membawa dirinya tenggelam dalam penguzlahan yang sempurna. Sebagaimana wujudnya perbezaan dalam menilai erti kejayaan hidup manusia, *Hikayat Sultan Ibrahim Adham* secara keseluruhannya juga dapat dinilai dari sudut pemahaman yang berbeza daripada konteks umum. Justeru, dengan berpandukan perjalanan salik watak utamanya yang penuh dengan cabaran dan dugaan, *Hikayat Sultan Ibrahim Adham* akan dinilai sebagai sebuah perlambangan terhadap tiga bentuk ujian kehidupan manusia.

## **PERLAMBANGAN UJIAN KEHIDUPAN**

Sebagai sebuah naskhah sufi yang mengajak para pembaca memperbaiki akhlak dan mendekatkan diri kepada Allah, *Hikayat Sultan Ibrahim Adham* juga harus dinilai dari aspek alegori atau kias perlambangan untuk menerangkan sesuatu yang lebih mendalam. Perlambangan merupakan salah satu kaedah para pengarang beraliran tasawuf menyampaikan inti pati pemikiran mereka dengan caranya yang tersirat. Ini dibuktikan melalui karya-karya bercorak tasawuf yang dihasilkan oleh tokoh-tokoh besar dunia sufi, umpamanya Jalaluddin Rumi, Fariduddin Atar, Ibnu Arabi, serta Hamzah Fansuri yang banyak menggunakan perlambangan dalam karya mereka.<sup>3</sup>

Tambahan pula, sosok peribadi sebenar Ibrahim Adham bukanlah sebagaimana yang diperkatakan menerusi hikayat, iaitu sebagai seorang raja di negeri Iraq. Kehidupannya banyak dihabiskan dengan mengembara, serta mengajarkan ilmu-ilmu agama kepada masyarakat setempat. Meskipun begitu, usaha untuk menelusuri sejarah kehidupan sebenar beliau menerusi hikayat dianggap sebagai sesuatu yang tidak tepat, malah dibauri dengan unsur fiksyen dan khayalan pengarang. Justeru, berkemungkinan bahawa pengarang hikayat telah melukiskan watak Ibrahim Adham sebagai satu simbolik atau lambang kepada kehebatan amalan kesufiannya yang begitu tinggi.

Usaha menilai karya-karya kesusasteraan yang bercorak sufisme melalui sudut pandangan yang bersifat ‘penafsiran dalaman’ juga turut dipersetujui oleh Md. Salleh Yaapar (2002: 72-73). Menurut beliau, terdapat dua kaedah penafsiran makna dalam sesebuah karya. Kaedah pertama merujuk kepada pentafsiran luaran (*exoteric exegete*), yang berfungsi pada permukaan atau pada tingkat literal teks. Pendekatan kedua pula merujuk kepada *ta’wil*, iaitu tafsiran simbolik yang dilaksanakan oleh pentafsir dalaman (*esoteric exegete*) khasnya ke atas karya-karya yang bersifat kerohanian. Justeru, dalam membuat sesuatu penafsiran (khususnya terhadap karya yang berunsur sufisme) para pengkaji tidak sewajarnya terlalu ‘bersegera’ dalam mengeluarkan pandangan yang boleh menimbulkan salah faham dan tanggapan negatif masyarakat umum.


Sehingga kini, masih tidak ditemukan pandangan daripada para pengkaji yang menghubungkan perjalanan hidup watak Ibrahim Adham yang terdapat di dalam hikayat, dengan rentetan ujian hidup yang telah dinyatakan oleh Allah SWT di dalam Al-Quran bagi manusia (simbolik terhadap kejayaan nafsu manusia dalam menghadapi ujian hidup). Penafsiran menerusi sudut pandangan sebegini juga dilihat relevan, malah selari dengan riwayat hidup sebenar Ibrahim Adham, yang telah melakukan ‘perjalanan sufinya’ yang panjang

(melintasi beberapa buah negara besar). Secara umumnya ujian bagi seseorang manusia di dalam kehidupan adalah begitu rencam, sesuai dengan taraf keimanan dan amalannya disisi Tuhan. Namun begitu, khusus bagi golongan lelaki yang memainkan peranan sebagai pemimpin, Allah SWT telah memberikan garis panduan terhadap hal-hal yang berupaya mengganggu gugat keimanan mereka. Ini dapat diperhatikan menerusi Surah Ali Imran, ayat 14;

رُبِّنَ لِلنَّاسِ حُبُّ الْشَّهَوَتِ مِنَ النِّسَاءِ وَالْبَنِينَ وَالْقَطْبِيرُ الْمُقْتَرَأُ مِنَ الْذَّهَبِ وَالْفِضَّةِ وَالْخَيْلِ الْمُسَوَّمَةِ وَالْأَنْعَمُ  
وَالْحَرَثُ ذَلِكَ مَنْعُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَأَللَّهُ عِنْدَهُ حُسْنُ الْمَآبِ ١٤

Dihiaskan (dan dijadikan indah) kepada manusia: Kesukaan kepada benda-benda yang diingini nafsu, iaitu perempuan-perempuan dan anak-pinak; harta benda yang banyak bertimbun-timbun, dari emas dan perak; kuda peliharaan yang bertanda lagi terlatih dan binatang-binatang ternak serta kebun-kebun tanaman. Semuanya itu ialah kesenangan hidup di dunia dan (ingatlah), pada sisi Allah ada tempat kembali yang sebaik-baiknya (iaitu syurga).

Kisah *Hikayat Sultan Ibrahim Adham* bukanlah sekadar sebuah agiografi sufi yang biasa, melainkan ianya juga merupakan sebuah hikayat penuh simbolik terhadap 3 lapisan ujian yang terbesar bagi seseorang manusia. Dalam naskhah tersebut, watak Ibrahim Adham digambarkan sebagai seorang manusia yang berjaya menepis godaan-godaan nafsu dalam bentuk wanita, zuriat keturunan, serta harta kekayaan;



**Rajah 1.** Plot hikayat dan ujian kehidupan Ibrahim Adham.

Menerusi rajah di atas, dapat diperhatikan perkembangan *Hikayat Sultan Ibrahim Adham*, berserta ujian-ujian yang telah dilalui oleh beliau sebelum berjaya tiba kepada martabat nafsu yang lebih tinggi. Bermula sebagai seorang raja yang terkenal di Iraq, Sultan Ibrahim Adham hidup dalam persekitarannya yang mewah serta dilimpahi dengan harta kekayaan. Episod awal dalam hikayat tersebut memperlihatkan wujudnya ujian pada tahap ketiga dalam kehidupan manusia, iaitu dalam bentuk harta kekayaan.

Lanjutan daripada itu, penguzlahan beliau telah membawa kepada pertemuan dengan seorang wanita jelita bernama Siti Saleha. Situasi tersebut merupakan suatu ujian yang paling getir bagi beliau, sehingga hampir membawa kepada kegagalan dalam meneruskan perjalanan menuju ke Kota Mekah. Pada tahap tersebut, berlakunya pergolakan emosi yang memerlukan Ibrahim Adham membuat pertimbangan, antara kasih sayangnya terhadap seorang isteri, atau tujuan asal perjalannya mencari hakikat ketuhanan. Sesuai dengan kepayaahan dalam mengharungi ujian tersebut, Al-Quran telah meletakkan kedudukan golongan wanita sebagai ujian paling utama bagi golongan lelaki dalam kehidupan sehari-hari mereka.

Plot hikayat diakhiri pula dengan latar pengibadatan Ibrahim Adham sewaktu berada di Kota Mekah. Akibat didatangi oleh anaknya Muhammad Tahir, Ibrahim Adham telah terlepas daripada melakukan ibadah, yang selama ini telah dilaksanakan dengan penuh khusyuk dan sempurna. Kejadian tersebut sekaligus bermaksud dirinya telah terleka dengan nikmat kehidupan dunia yang bersifat sementara. Disebabkan rasa bersalah kepada Tuhan, serta tidak mahu dirinya terus dibuai keindahan dunia, Ibrahim Adham nekad bertindak mengusir anaknya keluar dari Kota Mekah.

Meskipun kisah yang terkandung di dalam *Hikayat Ibrahim Adham* adalah jauh berbeza daripada perjalanan kehidupan sebenar watak uatamanya, namun hikayat tersebut boleh ditafsirkan sebagai sebuah rentetan ujian hidup, dalam perjalanan seorang hamba mencari cinta *Khaliqnya*. Dalam konteks dunia masa kini, masyarakat secara umumnya tidak lagi mengamalkan corak hidup yang serupa sebagaimana yang dipertontonkan menerusi watak Ibrahim Adham. Sebagaimana rutin kebiasaan, mereka menjalani kehidupan dalam mencari rezeki menerusi pekerjaan sehari-harian, mengharungi pahit manis kehidupan berumahtangga, serta mencurahkan seluruh kasih sayang kepada anak-anak mereka.

Walau bagaimanapun, perjalanan Ibrahim Adham juga dapat ditamsilkan sebagai sebuah pengembaraan hidup yang panjang bagi setiap manusia, sehingga tibanya detik kematian mereka untuk kembali bertemu Pencipta. Justeru, meskipun latar masa hikayat tersebut adalah berbeza dengan kehidupan dunia masa kini, namun tiga bentuk ujian yang dialui oleh Sultan Ibrahim Adham adalah ujian sama yang bakal dilalui oleh setiap manusia. Hal ini sebagaimana yang telah diperingatkan oleh Allah SWT di dalam Al-Quran; mukjizat terulung, panduan buat umat manusia yang kekal relevan sepanjang masa.

## **Ujian Wanita**

Manusia diciptakan Tuhan berpasang-pasangan. Justeru bagi seorang lelaki, lumrah penciptaan dan keberadaan nafsu mereka adalah lebih menjurus ke arah wanita. Dalam dunia kesusasteraan, terdapat pelbagai kisah yang mengangkat peristiwa berkaitan ujian golongan wanita. Sebahagian daripadanya menggambarkan kejayaan, sementelah terdapat juga watak yang terpedaya hingga membawa kepada kemusnahan hidup. Kisah Nabi Yusuf menerusi *Surat Al-Anbiya'* merupakan suatu bukti yang jelas, bahawa usaha membendung hawa nafsu merupakan sesuatu yang sukar, serta memerlukan terbitnya perasaan *khauf* dalam diri. Baginda telah dipujuk rayu oleh Zulaikha, dibawa menuju ke mahligai yang indah tanpa sesiapa pun yang memerhatikan mereka. Namun demikian, Nabi Yusuf dengan bantuan daripada Allah SWT telah berjaya menolak godaan tersebut (Hamdan Hassan 1990). Watak Abu Syamah dalam *Hikayat Abu Syamah* pula telah menunjukkan sifat yang sebaliknya. Meskipun beliau terkenal sebagai seorang yang warak dan alim, namun beliau akhirnya tertewas dengan tipu daya golongan Yahudi, lantas terjerumus melakukan perzinaan (Mohd Yusof Md. Nor 1989).

Sifat nafsu *Ammarah* yang sering mengajak manusia kepada tuntutan syahwat, memerlukan tahap mujahadah yang tinggi bagi mengelakkan diri daripada terjerumus dalam perbuatan tercela. Kisah Nabi Yusuf telah membuktikan bahawa ujian dalam bentuk godaan wanita

merupakan sesuatu yang sangat berat untuk dihadapi, sehingga difirmankan oleh Allah SWT di dalam Surah Yusuf pada ayat 53;<sup>4</sup>

وَمَا أَبْرُئُ نَفْسِي إِنَّ النَّفْسَ لِأَمَارَةٍ بِالسُّوءِ إِلَّا مَا رَحْمَ رَبِّي إِنَّ رَبَّيْ عَفُورٌ رَّحِيمٌ  
٥٣

Dan aku tidak mengaku diriku suci (daripada kesalahan), kerana sesungguhnya nafsu itu selalu menyuruh kepada kejahanan, kecuali nafsu yang diberi rahmat oleh Tuhanmu. Sesungguhnya Tuhanmu Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.

Menerusi Surah Ali Imran ayat 14 yang dinyatakan sebelum ini, Allah SWT telah meletakkan kedudukan wanita sebagai ujian yang paling utama bagi kaum lelaki, melebihi ujian-ujian lain seperti anak pinak, pengikut, serta harta kekayaan. Keberadaan ini diperkuatkan lagi menerusi penegasan dari lisan baginda Rasulullah SAW yang bermaksud; “Tidak aku tinggalkan selepas daripadaku yang lebih berbahaya ke atas kaum lelaki daripada wanita.” Dalam hadis yang lain pula baginda bersabda yang bermaksud; “Berhati-hatilah dengan dunia dan berhati-hatilah dengan (fitnah) wanita. Sesungguhnya fitnah terawal yang berlaku pada golongan Bani Israel adalah pada wanita.”<sup>5</sup>

Sebagai sebuah naskhah sufi yang memperlihatkan ujian hidup manusia, *Hikayat Sultan Ibrahim Adham* telah mengangkat watak Siti Saleha sebagai simbolik terhadap ujian wanita dalam kehidupan seorang lelaki. Dalam hikayat tersebut, Siti Saleha digambarkan sebagai seorang wanita yang solehah serta memiliki rupa paras yang jelita. Walau bagaimanapun, watak beliau telah digambarkan sebagai ‘penghalang’ utama bagi Sultan Ibrahim meneruskan uzlah. Sekiranya ditinjau dengan lebih mendalam, peranan Siti Saleha sebagai ujian pada asalnya berpunca daripada peristiwa pertapaan Ibrahim Adham di tebing sungai. Disebabkan keadaannya yang terlalu lapar, beliau telah termakan separuh daripada buah delima yang dijumpai. Peristiwa tersebut telah menimbulkan perasaan *khauf* dalam dirinya, serta kebimbangan bakal berdepan dengan kemurkaan daripada Allah SWT. Natijahnya, Ibrahim Adham bertindak nekad menelusuri muara sungai, semata-mata untuk menemui pemilik delima tersebut.

Dalam kes ini, buah delima yang telah dimakan oleh Ibrahim Adham dapat ditafsirkan sebagai perlambangan ‘budi’ terhadap manusia lain. Dalam hikayat tersebut, Ibrahim Adham telah berhutang separuh buah delima milik Siti Saleha, yang pada akhirnya menyebabkan beliau terpaksa menikahi wanita tersebut. Peristiwa ini telah memberikan pengajaran kepada pembaca, supaya tidak mudah untuk terhutang budi terhadap orang lain, khususnya golongan wanita. Ini disebabkan pada golongan wanita terdapatnya daya penarik bagi golongan lelaki, yang pada akhirnya akan menjerumuskan ke lembah kemaksiatan secara beransur-ansur. Dalam sesetengah keadaan pula, budi yang seringkali diterima adakalanya menyebabkan ia terpaksa dibayar dengan maruah, harga diri, atau kehidupan yang dipercaturkan oleh orang lain. Dalam konteks hikayat, disebabkan ingin membersihkan perbuatannya daripada memakan separuh delima yang haram, Sultan Ibrahim bin Adham telah dikenakan syarat untuk berkahwin dengan Siti Saleha;

“Hai Siti Saleha, apa juga kata tuan hamba itu?” maka kata Siti Saleha “Barang siapa hendak lepas daripada hal sebab memakan buah delima ini, maka hendaklah ia nikah dengan yang empunya buah delima ini; jikalau tiada demikian itu sekali-kali tiada halal baginya.” Maka apabila didengarnya oleh Sultan Ibrahim kata Siti Saleha itu maka baginda pun diamlah seketika.

(Russell Jones 1983: 26)

Bertitik tolak daripada perisitiwa itulah, Ibrahim Adham kemudiannya telah ‘terpesona’ terhadap keindahan wanita, sehingga menyebabkan dirinya ‘lupa’ mengenai maksud sebenar penguzalahannya. Dalam tempoh tersebut, beliau telah mendapat layanan yang mesra, serta

segala keperluan dirinya telah disempurnakan oleh Siti Saleha. Dari perspektif yang berbeza, watak Siti Saleha merupakan suatu simbolik terhadap ujian tertinggi bagi seseorang lelaki. Pesona dan keindahan alam perkahwinan, serta layanan sempurna yang diberikan oleh seorang wanita, telah membuatkan Ibrahim Adham menjadi terleka tentang matlamat utama pengembaraannya. Dengan kata lain, perhiasan dunia telah menghalang Ibrahim Adham daripada mencapai maqam zuhud yang diusahakannya sebelum itu. Dalam tradisi kesufian, seseorang hamba itu dianggap sebagai tidak memiliki sesuatu yang berharga, melainkan Tuhan yang dirasakan begitu dekat dengan dirinya (Khairunnas Rajab 2007:7). Seiring dengan pernyataan tersebut, Imam Al-Ghazali (2008:675) turut menyebutkan bahawa hakikat zuhud adalah meninggalkan sesuatu yang dikasihi dan berpaling daripadanya kerana menginginkan akhirat.

Meskipun begitu, Ibrahim Adham akhirnya menyedari bahawa kecintaan terhadap Allah SWT tanpa mencampurinya dengan kecintaan terhadap makhluk, merupakan kesempurnaan *mahabbah* seseorang insan. Demi mencapai rasa cinta Ilahi yang lebih mendalam dan meneruskan penguzlahan, beliau akhirnya membuat keputusan untuk meninggalkan isterinya, Siti Saleha. Walau bagaimanapun, Ibrahim Adham masih lagi cuba dipujuk rayu oleh Siti Saleha, dengan kata-kata yang menyentuh perasaan. Memperlihatkan keadaan isterinya itu, Ibrahim Adham sekali lagi hampir tertewas dan membatalkan perjalanan. Dilema dan pergolakan perasaan Ibrahim Adham telah tergambar sebagaimana yang dapat diperhatikan menerusi petikan di bawah;

Maka hatinya pun terlalu belas dan kasihan. Maka segerah dipeluk oleh baginda akan isterinya seperti tiada lagi dapat bercerai rasanya; maka apabila teringat ia akan pekerjaannya daripada seorang perempuan jadi terhenti dan lalai, maka bagindapun hendak berjalan pada ketika itu; maka Siti Saliha pun sedar daripada pengsan itu dan tangannya memegang baju Sultan Ibrahim....

(Russell Jones 1983: 28)

Dari perspektif perlambangan ujian hidup, peristiwa tersebut menjadi bukti bahawa pujukan dan rayuan daripada golongan wanita berupaya untuk mengubah niat seseorang lelaki dalam melakukan penghijrahan ke arah kebaikan. Situasi ini juga turut diperjelaskan oleh Hamka (2015: 616) dalam menafsirkan ayat 14 Surah Ali Imran. Menurut beliau, selain daripada daya penarik menerusi aspek fizikal, golongan wanita juga mampu membuatkan seseorang lelaki itu terpesona menerusi kesetiaan, penyerahan diri, serta sifat pujuk rayu yang dipenuhi dengan kelembutan.

Justeru, meskipun naskhah *Hikayat Sultan Ibrahim Adham* merupakan sebuah karya kesusasteraan Melayu tradisional, namun intipati perlambangan terhadap ujian kehidupan dalam bentuk wanita dilihat masih lagi relevan sehingga ke hari ini. Dalam kehidupan masa kini, fitnah golongan wanita dilihat lebih menggerunkan, serta hadir dalam perbagai bentuk dan keadaan. Kebebasan dalam pelbagai sudut, telah membawa kepada keterbukaan fitnah yang lebih meluas. Pergaulan tanpa menjaga batas syariat, pemakaian yang tidak menutup aurat, serta perlumbaan dalam menonjolkan diri di media sosial, pada akhirnya akan menjerumuskan diri kepada kancah kemaksiatan. Lebih menyedihkan lagi, golongan lelaki yang seharusnya menjadi pembimbing kepada wanita pula tidak menunjukkan contoh teladan yang baik. Sebaliknya, mereka tewas terhadap ujian ini, semata-mata untuk memenuhi kehendak nafsu dan syahwat mereka.

Atas sebab itulah, golongan lelaki haruslah memiliki kesepadan jalinan antara ilmu dan keimanan untuk menangkis ujian hidup yang paling mencabar ini. Meskipun fitrah penciptaan memperlihatkan wujudnya cinta dan kasih sayang terhadap pasangan, namun ianya juga mampu menjadi penghalang terhadap kebenaran, sekiranya tidak disandarkan kepada cinta terhadap Pencipta (Abdul Mun'im Qindil 1994). Bagi golongan yang berjaya dalam mengharungi

ujian tersebut, Allah SWT telah mempersiapkan kepelbagaiannya nikmat di dalam syurga, dan salah satu daripada adalah menerusi penciptaan bidadari yang indah dan jelita.<sup>6</sup>

### **Ujian Zuriat Keturunan**

Dalam sesebuah perkahwinan, zuriat merupakan perkara yang paling didambakan oleh setiap pasangan. Selain berperanan sebagai penyambung keturunan, zuriat juga merupakan salah satu perkara yang menjadi kebanggaan bagi seorang lelaki. Bahkan menurut perspektif Islam, zuriat keturunan bukan sahaja berperanan dalam memelihara kedua orang tua tatkala masih hidup, tetapi juga mampu berterusan dalam memberi syafaat tatkala telah meninggal dunia. Di dalam Al-Quran, ujian kehidupan dalam bentuk zuriat keturunan atau disebutkan sebagai ‘*banin*’, berada pada kedudukan kedua selepas ujian nafsu syahwat terhadap wanita (Hamka 2015: 617). Seseorang anak berupaya menjadi kebanggaan keluarga, sebaliknya juga boleh berubah sebagai individu yang menghampa dan memalukan ibu bapa. Kesemuanya itu bergantung kepada pelbagai aspek, khususnya aspek didikan yang diberikan kepada mereka. Sebahagian ibu bapa telah berjaya melahirkan anak-anak yang cemerlang dan berguna kepada masyarakat. Namun begitu, sebahagian lagi terlihat gagal melepas ujian getir ini, disebabkan teladan yang tidak benar, serta mendahuluikan kepentingan anak-anak melebihi keutamaan agama.

Hasil daripada perkahwinannya bersama Siti Saleha, Ibrahim Adham kemudian telah dikurniakan seorang anak lelaki yang bernama Muhammad Tahir. Meskipun telah diberikan kasih sayang serta didikan yang sempurna, Muhammad Tahir mengambil keputusan untuk mencari ayahnya, Sultan Ibrahim Adham sehingga tiba di Kota Mekah. Di situ Ibrahim Adham telah melakukan uzlah serta memberikan tumpuan ibadahnya kepada Allah SWT. Pertemuan mereka berdua telah menerbitkan kegembiraan dan kesyukuran dalam hati masing-masing. Meskipun begitu, Ibrahim Adham telah menjadi leka melayani Muhammad Tahir sehingga terlupa dalam melaksanakan ibadah tawaf. Natijahnya, Ibrahim Adham telah bertukar menjadi marah, serta menghalau anaknya itu keluar daripada Kota Mekah.

Dari sudut pandangan yang bersifat literal, peristiwa di atas telah menonjolkan sifat Ibrahim Adham sebagai seorang bapa yang ‘kejam’ terhadap anaknya sendiri. Sebagai seorang bapa, beliau seharusnya memahami perasaan anaknya yang sangat rindu untuk bertemu seorang ayah, serta memberikan segala keperluan yang dihajati. Sebaliknya, beliau telah bertindak menghalau, bahkan sanggup juga untuk membunuh Muhammad Tahir sekiranya beliau enggan beredar;

Maka dilihatnya sudah asar dan pekerjaannya tawaf ia lupa. Maka Sultan Ibrahim pun terlalu marah seraya katanya “Hai Muhammad Tahir, segeralah engkau pergi daripadaku dengan seketika ini juga, jika tiada engkau segerah pergi bahawa aku penggal lehermu dan aku ceraikan daripada badanmu.”

(Russell Jones 1983: 34)

Meskipun begitu, seandainya peristiwa tersebut diperhalusi sebagai sebuah perlambangan, nescaya para pembaca akan dapat mengambil sebuah pengajaran menerusi kejayaan Ibrahim Adham dalam menghadapi ujian hidup. Sebagai seorang tokoh sufi yang memiliki martabat nafsu yang tinggi, Ibrahim Adham telah berjaya menilai letak duduknya keutamaan agama dan pengibadatan dalam kehidupan seharian. Episod tersebut memperlihatkan ketegasan seorang ayah terhadap anaknya sendiri tatkala berlakunya perkara yang melalaikan. Ini dapat diperhatikan menerusi permintaan Muhammad Tahir yang juga disebutkan di dalam hikayat sebagai ‘meminta menemaniku bermain-main’ (Russel Jones 1983: 32). Meskipun telah dipujuk dengan tangisan dan rayuan, Muhammad Tahir tetap gagal untuk mengubah pendirian ayahnya itu.

Menerusi perspektif agama, perbuatan Ibrahim Adham tersebut merupakan suatu perlambangan kejayaan, kerana telah berjaya mengutamakan kepentingan agama berbanding kehendak anaknya.<sup>7</sup> Sifat sebeginilah yang diharusnya diserapkan dalam jiwa setiap bapa dalam dunia moden hari ini. Acap kali dapat diperhatikan gejala salah laku dalam kalangan remaja, serta runtuhnya akhlak dalam diri, adalah disebabkan kurang ketegasan dalam proses mendidik mereka, khususnya dari seorang bapa. Permintaan dan kemahuan daripada seorang anak haruslah diperhalusi terlebih dahulu sebelum dipenuhi, manakala tuntutan agama haruslah diangkat sebagai perkara yang paling utama (Abdullah Nasih Ulwan 2015: 55). Sebagai contoh paling mudah, Islam membenarkan seorang bapa untuk menghukum anaknya dengan sebatan sekiranya tidak melaksanakan ibadah solat apabila berumur sepuluh tahun. Hukuman tersebut membuktikan perlunya ketegasan seorang ayah dalam usaha mendidik anaknya.

Berbalik kepada hikayat, meskipun Ibrahim Adham telah bertindak nekad dengan menghalau anaknya keluar daripada Kota Mekah, namun beliau tetap melaksanakan tanggungjawabnya dalam memberikan didikan dan bekalan kepada Muhammad Tahir. Sebagai seorang pemuda yang dibesarkan oleh ibu yang solehah, Muhammad Tahir semestinya telah dilengkapi dengan ilmu-ilmu berkaitan *akhlaqul karimah*. Meskipun begitu, pendidikan terhadap anak-anak haruslah mencakupi dua aspek penting iaitu pendidikan keagamaan dan pendidikan keduniaan. Kedua-dua bentuk pendidikan ini telah diajarkan oleh Ibrahim Adham menerusi arahan agar anaknya itu belseyar menuju ke negeri Iraq. Didikan supaya mempertingkatkan ketakwaan serta sifat tawakal, dapat diperhatikan menerusi petikan berikut (Russell Jones 1983: 36);

“Hai bapaku, jikalau aku lapar siapa memberi aku makan? Jikalau buruk kain bajuku siapa memberi aku kain? Lagipun jalan kembali tiada aku ingat.” Maka kata Sultan Ibrahim Adham “Hai anakku, Allah memberi rezeki pada hamba-Nya, dan menunjukkan jalan kembali.” “Hai bapaku, akan negeri Iraq itu tiada aku tahu jalannya.” Maka kata Ibrahim Adham, “Allah menunjukkan engkau ke negeri Iraq itu.”

Menerusi petikan tersebut, jelas dapat difahami bahawa Ibrahim Adham telah memberikan didikan mengenai sifat tawakal seorang hamba kepada Tuhan. Lebih dari sekadar itu, Ibrahim Adham bukan sekadar tahu memberikan nasihat keagamaan, sebaliknya telah terbukti berjaya melaksanakannya sendiri dalam bentuk praktik, menerusi pengalamannya melaksanakan perjalanan salik. Peristiwa ini membuktikan betapa pentingnya usaha pendidikan menerusi teladan. Dalam menyampaikan nasihat kebaikan, seorang bapa itu perlu melaksanakannya terebih dahulu sebagai tontonan dan ikutan kepada anak-anak mereka.

Secara tidak langsung, perjalanan Muhammad Tahir dalam menuju ke negeri Iraq juga dapat disimpulkan sebagai ‘pendidikan dunia’. Sebagai seorang bapa yang telah melalui perjalanan yang jauh, sudah semestinya Ibrahim Adham menyedari bahawa anaknya itu bakal mengharungi pelbagai rintangan, serta menimba pengalaman yang berupaya mendewasakan diri. Keizinan Ibrahim Adham membenarkan perjalanan anaknya, merupakan suatu bentuk pendidikan yang bersifat ekslusif terhadap kehidupan luar. Pendidikan sebegini sebetulnya merupakan suatu ‘pembebasan anak-anak’ supaya mereka bersifat kreatif dan inovatif dalam membuat sebarang keputusan berkaitan kehidupan mereka (Hasan Baharun dan Nurul Jadid 2016:105).

Meskipun begitu, Ibrahim Adham tetap mempersiapkan anaknya itu dengan bekalan dalam bentuk harta benda dunia, iaitu menerusi pemberian sebentuk cincin kerajaan negeri Iraq. Menerusi cincin tersebutlah, Muhammad Tahir telah dipandu tiba ke hala tujunya, bahkan dapat bertemu pula dengan pembesar kerajaan negeri yang amat mengasihi ayahnya. Atas sebab itulah, Muhammad Tahir dan Siti Saleha kemudiannya telah diberikan harta bagi menampung keperluan sehari-hari mereka. Dari peristiwa tersebut juga, dapat diteladani bahawa didikan dan pemberian dalam bentuk kharta kekayaan dunia, merupakan perkara kedua, setelah seseorang anak itu dibekali dengan ilmu agama terlebih dahulu. Limpahan kekayaan tanpa ditunjangi

dengan ilmu yang mencukupi, dibimbangi akan menyebabkan harta tersebut tidak digunakan pada yang yang selayaknya pada kemudian hari. Kejayaan Muhammad Tahir dalam mengharungi perjalanan menuju ke negeri Iraq, dibekali dengan sifat tawakal yang diajarkan oleh ayahanya sendiri, merupakan bukti kejayaan watak Sultan Ibrahim Adham tatkala mendepani ujian dalam bentuk zuriat keturunan. Beliau merupakan lambang seorang insan yang mampu meletakkan kedudukan agama pada tahapnya yang tertinggi, bukan sahaja melepassi kecintaannya terhadap isteri, tetapi juga terhadap anaknya sendiri.

### **Ujian Harta Kekayaan**

Tidak sedikit watak-watak dalam lembaran sejarah Islam yang memberikan pengajaran mengenai tipu daya harta dunia. Yang paling popular serta masih diulang sebut sehingga ke hari ini, termasuklah Qarun dan Firaun. Kedua-duanya memiliki persamaan; golongan yang memiliki harta melimpah ruah, pengikut yang ramai, bersifat tamak dan megah terhadap segala nikmat yang dimiliki. Sebagai balasan Tuhan, Qarun berserta seluruh harta kekayaannya tenggelam ke dalam bumi, sementara Firaun bersama dengan bala tenteranya pula ditenggelamkan ke dasar laut. Tidak cukup sekadar itu, pada hari akhirat kelak kedua-duanya akan dipertemukan bersama untuk ditenggelamkan ke dalam kawah neraka.

Disebabkan hal tersebutlah, golongan sufi kelihatan begitu khuatir dan berhati-hati dalam perkara yang berkaitan dengan urusan pangkat dan harta kekayaan dunia. Seandainya ditinjau ke dalam dunia kesusasteraan dan sejarah masyarakat Melayu terdahulu, episod perletakan takhta golongan raja demi menyahut seruan agama, bukanlah sesuatu yang asing. Dalam *Hikayat Raja Pasai* sebagai misalannya, dapat ditemukan watak Sultan Muhammad, pemerintah kerajaan Mengiri yang sanggup untuk meninggalkan kedudukan dan harta kekayaan. Demi membantu usaha dakwah Syeikh Ismail menyebarkan Islam ke Pasai, Sultan Muhammad telah turun takhta, mengenakan pakaian golongan fakir, serta dengan rela hatinya bertukar menjadi seorang sufi (Russell Jones 1999:14-15). Kesemua itu telah berupaya dilakukan atas kesedarannya terhadap sifat dunia dan harta benda yang sementara.

Sebagai seorang raja yang hidup dalam serba kemewahan serta kemasyhuran, naluri kesufian Ibrahim Adham dilihat begitu ‘memberontak’ untuk bebas daripada keterikatan tersebut. Kesedaran ini sebetulnya lahir daripada sebuah perenungan yang mendalam terhadap kebesaran Allah SWT dalam diri seseorang hamba, yang disebutkan sebagai proses *tafakkur* (Russell Jones 1983:12);

Maka pada suatu hari Sultan Ibrahim Sudah sembahyang subuh maka baginda pun fikir “Bawa aku ini telah dikurniai Allah subhanahu wataala kebesaran dan kerajaan di dalam dunia ini, bawa dunia ini tiada juga kekal adanya, lagi bawa dunia ini seperti mimpi yang indah-indah, kemudian daripada jaga suatpun tiada diperolehnya. Demikianlah kelakuan dunia ini.”

Menerusi petikan tersebut, jelaslah bahawa Ibrahim Adham mulai menyedari mengenai hakikat kehidupan manusia yang sebenarnya. Segala harta kekayaan, kemasyhuran, serta kedudukan sebagai seorang raja, diumpamakan oleh beliau sebagai ‘sebuah mimpi yang indah’, yang tidak membawa sebarang faedah tatkala kembali mengahadap Allah SWT kelak. Seandainya Ibrahim Adham terus menerus berada dalam ‘keindahan mimpi’ tersebut, tidak mustahil bahawa beliau juga akan terjerumus ke dalam peribadi akhlak yang tercela umpama sompong, riak, takbur, serta bakhil, disebabkan kegagalan dalam melepassi ujian harta kekayaan; sebagaimana yang dipertontonkan menerusi sejarah Qarun dan Firaun yang terdahulu.

Imam Al-Ghazali (2000) juga turut berpendapat bahawa faktor-faktor seperti nasab keturunan, memiliki harta kekayaan yang banyak, serta pengaruh yang kuat, merupakan punca berleluasanya perasaan takbur dalam diri seseorang manusia. Pandangan tersebut secara tidak

langsungnya telah memberikan penumpuan khusus terhadap golongan raja, pemerintah, serta bangsawan yang hidup dalam keadaan kaya raya dan kuat pengaruhnya. Golongan seperti ini akan lebih dikhuatiri memiliki sifat tercela dalam diri berbanding rakyat biasa yang hidup dalam serba kekurangan. Disebabkan ketakutan itulah, Ibrahim Adham bertindak nekad untuk turun tahta meninggalkan segala kemasyhuran dan kemewahan harta, semata-mata demi memulakan sebuah perjalanan dalam mencapai martabat nafsu yang lebih terpuji.

Satu lagi contoh kejayaan Ibrahim Adham dalam menanggapi ujian harta kekayaan, dapat diperhatikan menerusi peristiwa tatkala beliau memberi sedekah terhadap golongan fakir miskin, serta kepada para pembesar di istana;

Maka bagindapun memberi kurnia akan segala wazir dan menteri hulubalang dan orang kaya-kaya daripada pakaian yang indah-indah, kemudian memberi sedekah kepada segala ulama pendeta fakir dan miskin.

(Russell Jones 1983:12)

Dalam mengharungi ujian dalam bentuk harta dan kekayaan, seseorang manusia itu tidak hanya dinilai menerusi usaha menjauhi sifat-sifat tercela semata-mata. Sebaliknya, seorang hamba yang benar-benar sempurna dalam melalui ujian tersebut juga turut dinilai dari sudut sejauh mana harta yang telah dibelanjakan kepada jalan yang diredhai Allah SWT. Dalam konteks hikayat, watak Ibrahim Adham yang pada peringkat awal telah mengambil ‘jalan selamat’ daripada terjerumus ke lembah fitnah, kemudiannya telah bertindak membelanjakan hartanya kepada golongan fakir dan miskin. Peristiwa yang dipertontonkan di atas menjadi bukti jelas mengenai kehebatan Ibrahim Adham yang masih memikirkan keadaan nasib golongan fakir miskin. Ini kerana bagi sesetengah manusia, mereka begitu khuatir daripada melakukan kejahatan dan mengambil harta dari jalan yang haram, namun dalam masa yang sama tidak gemar bersedekah untuk memperbaiki kehidupan orang lain.

Dari sudut pandangan Islam, harta dan kekayaan yang dimiliki oleh seseorang manusia itu bukanlah segala apa yang dimiliki sewaktu mereka hidup. Sebaliknya, hakikat kekayaan dan harta milik manusia adalah merujuk kepada sebanyak mana yang telah dibelanjakan (termasuklah sedekah jariah, infak, dan sebagainya) atas jalan Allah SWT. Dengan kata lain, harta kekayaan yang disedekahkan sewaktu di dunia akan bertukar menjadi ganjaran pahala yang sangat besar nilainya sewaktu di akhirat kelak. Ketinggian ganjaran pahala bagi mereka yang bersedekah telah juga disebutkan di dalam Al-Quran menerusi Surah Al-Baqarah ayat 261;

**٦٦١** وَسَعَ عَلِيْمٌ مَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ يُضْعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ كُلُّ سُبْلَةٍ مَانِهُ حَبَّةٌ أَنْبَتَ سَبَاعَ سَنَابِلَ فِي كُلِّ سُبْلَةٍ يُفْعُونَ أَمْوَالُهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثْلُ حَبَّةٍ أَنْبَتَ سَبَعَ سَنَابِلَ فِي كُلِّ سُبْلَةٍ مَانِهُ حَبَّةٌ وَاللَّهُ يُضْعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ

Bandingan (derma) orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurnia-Nya, lagi meliputi ilmu pengetahuan-Nya.

Setelah terlepas daripada keterikatan pangkat serta harta kekayaan, barulah Ibrahim Adham bersedia untuk memulakan penguzlahannya menuju ke dalam hutan. Berbekalkan sifat tawakalnya yang begitu tinggi kepada Allah SWT, beliau dapat menumpukan perhatian dalam beribadah dengan begitu tekun dan sempurna. Situasi tersebut memberikan pengajaran yang sangat bernilai kepada pembaca. Tatkala seseorang manusia itu tidak lagi dikelilingi oleh keindahan dunia, serta telah berjaya membuang kecintaan terhadap perkara-perkara yang melalaikan, tumpuan dalam meningkatkan ibadah kepada Allah akan menjadi lebih khusyuk dan tenang (Russell Jones 1983: 14);

Apabila hari malam, maka baginda pun sembahyang isyak; setelah sudah sembahyang maka baginda pun duduk dengan dikir Allah. Apabila lalu daripada tengah malam maka baginda pun bangun daripada tidurnya maka baginda sembahyang tahajud hingga sampai fajar, lalu sembahyang subuh; demikianlah kelakuan baginda itu.

Selain dari itu, sifat tawakal dan pergantungan kepada Allah SWT semata-mata juga akan lebih menebal dalam diri disebabkan sifat yakin bahawa Allahlah yang akan mengaturkan segala perjalanan hidup serta mencukupkan rezeki seharian. Walau bagaimanapun, Ibrahim Adham bukanlah seorang tokoh sufi yang menolak kepentingan harta dunia secara sepenuhnya. Dalam kefahaman tasawuf yang sebenar, sifat zuhud terhadap harta bukanlah bermaksud menolak semua perkara yang berkaitan kekayaan sehingga menyebabkan diri menjadi papa. Sebaliknya, pengertian zuhud juga dapat difahami sebagai menghalangi diri daripada memiliki sifat kecintaan terhadap harta benda. Dengan terhindarnya sifat sedemikian, seseorang ahli sufi itu dapat mengelakkan diri daripada menjadi tamak, sekaligus menerbitkan suatu sifat mulia yang disebutkan sebagai *qanaah* (Ahmad Nakhaie Ahmad 1998: 355). Dalam konteks hikayat, perbincangan tersebut dapat dibuktikan menerusi persediaan Ibrahim Adham dalam membawa bekalan-bekalan sebelum memulakan perjalanan saliknya;

Maka bagindapun keluar dari dalam istananya dengan seorang dirinya dengan suatu tongkat di tangannya, dan sebilah sekin, dan suatu keskul, dan sebentuk cincin. Maka bagindapun berjalanlah keluar masuk hutan terbit hutan, melalui padang dan rimba.

(Russell Jones 1983: 14)

Petikan tersebut membuktikan bahawa Ibrahim Adham juga turut membawa bekalan (sekadar keperluan untuk meneruskan hidup), sebagai memenuhi tuntutan ikhtiar dalam kehidupan. Dalam mengharungi perjalanan yang panjang di dalam hutan, tongkat dapat digunakan untuk mempermudahkan perjalanan, khususnya pada waktu yang gelap. Sekin (sejenis pisau) pula dapat dijadikan sebagai senjata serta alat untuk menyembelih haiwan. Manakala keskul digunakan bagi menyimpan bekalan makanan. Akhirnya sekali, sebentuk cincin kerajaan Iraq pula menjadi tanda nasab keturunan beliau sebagai seorang raja (pada penghujung hikayat, cincin tersebut diberikan kepada anaknya Muhammad Tahir).

Dalam konteks semasa, perjalanan Ibrahim Adham dalam menempuh hutan belantara, juga dapat disama ertiakan sebagai perjalanan seorang manusia menempuh kehidupan yang penuh ujian. Dalam mengharungi liku-liku hidup yang penuh cabaran, persediaan dalam bentuk harta benda tidak dapat dikesampingkan. Bagi golongan lelaki yang berperanan sebagai ketua keluarga, mereka diwajibkan menyedia keperluan utama seperti tempat tinggal, makanan, serta persediaan sekiranya berlaku kemalangan pada masa depan (Abu Syakir 1996: 15-16). Adalah menjadi suatu bentuk kesalahan seandainya mereka meninggalkan keluarga dalam keadaan yang penuh kekurangan. Justeru, seandainya sudut pandangan mengenai kepentingan harta dalam kehidupan ini diperbetulkan mengikut kaca mata Islam yang murni, nescaya setiap manusia akan mempersiapkan bekalan mereka dengan sempurna; sama ada bekalan dunia menerusi pekerjaan dan pemilikan harta, atau bekalan akhirat menerusi sedekah dan amal jariah.

## PENUTUP

*Hikayat Sultan Ibrahim Adham* merupakan salah satu khazanah penting yang terkandung dalam perbendaharaan kesusasteraan hikayat bercorak Islam. Penelitiannya berupaya membawa pembaca menyelami sebuah dunia perjalanan agiografi sufi yang penuh indah dan berhikmah. Menerusi wadah hikayat, ilmu berkaitan ajaran-ajaran Islam telah disulam bersama plot penceritaan yang menarik. Hasilnya, para pembaca bukan sahaja dapat menghibur diri

menerusi pembacaan naskhah kesusasteraan, sebaliknya berupaya juga memandu ke arah proses penyucian jiwa yang sempurna. Penghayatan terhadap perjalanan hidup, perwatakan, serta kesan dalam setiap pengamalan ibadah yang dipertontonkan, pada akhirnya membaca pembaca ke arah proses introspeksi diri ke arah martabat nafsu yang lebih sempurna.

Berbeza dengan naskhah-naskhah tasawuf lainnya yang memerlukan pengamatan terhadap kefahaman sufi yang khusus (*al-tajalli*), *Hikayat Sultan Ibrahim Adham* sebaliknya dilihat dekat dengan kehidupan setiap manusia menerusi perlambangan terhadap ujian kehidupan. Ujian-ujian dalam bentuk godaan wanita, zuriat keturunan, serta harta kekayaan, merupakan perkara yang sangat mencabar untuk diatasi oleh golongan lelaki, sebagaimana yang telah disebutkan menerusi Al-Quran. Sebagaimana Ibrahim Adham yang telah berjaya melepassi kesemua bentuk ujian tersebut, para pembaca sewajarnya membawa semangat tersebut dalam kehidupan seharian mereka menerusi bekalan iman dan amal soleh. Justeru, pengamatan dalam bentuk perlambangan ujian hidup, bakal mengangkat kembali kedudukan hikayat tersebut sebagai sebuah karya penting yang relevan sehingga ke hari ini.

## RUJUKAN

- Al-Quran Tajwid dan Terjemahan*. Kajang: Penerbit Humaira Bookstore.
- Abdullah Nasih Ulwan. 2015. *Tarbiyatul Aulad Fil Islam*. Batu Caves: PTS Publishing House.
- Abu Syakir. 1996. *Tanggungjawab Suami Isteri*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- Al-Ghazali. 2000. *Pedoman Orang Mukmin*. Terj. Osman Jantan. Singapura: Pustaka Nasional Singapura.
- Braginsky, V.I. 1994. *Erti Keindahan dan Keindahan Erti dalam Kesusasteraan Melayu Klasik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamdan Hassan (pngr.). 1990. *Surat Al-Anbiya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Hamdan Hassan. 1980. Sastera Melayu dan Islam. Dlm. Syed Hussein Alatas, H. Rosihan Anwar, Shafie Abu Bakar, Shahnon Ahmad, Hamdan Hassan, Abdul Rahman Al-Ahmadi, A. Aziz Deraman, Hashim Musa, & Sidi Gazalba (ed.). *Kesusasteraan Melayu dan Islam, Suatu Pertembungan Pemikiran*, hlm. 144-176. Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise.
- Hamka. 2015. *Tafsir Al-Azhar*. Jil. 1. Batu Caves: PTS Publishing House.
- Hasan Baharun & Nurul Jadid. 2016. Pendidikan anak dalam keluarga: telaah epistemologis. *Jurnal Pendidikan*. 3(1-6): 96-107.
- Ismail Hamid. 1983. Kesusasteraan Melayu Lama dari Warisan Peradaban Islam. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Ismail Hamid & Wahyunah Abd. Ghani (pngr.) 2002. *Hikayat Para Nabi dan Tokoh Islam dalam Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jones, Russell. 1983. *Hikayat Sultan Ibrahim*. Leiden: Foris Publications.
- Jones, Russell. 1999. *Hikayat Raja Pasai*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.
- Khairunnas Rajab. 2007. Al-Maqam dan Al-Ahwal dalam tasawuf. *Jurnal Usuluddin*. 25(6): 1-28.
- Mahayudin Yahaya. 2001. *Islam di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Md. Salleh Yaapar. 2002. *Ziarah Ke Timur*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Nakhaie Ahmad. 1998. *Di Bawah Naungan Islam*. Kuala Lumpur: Institut Muamalat Islam Malaysia.<sup>8</sup>
- Mohd Yusof Md. Nor (pngr.). 1989. *Antologi Enam Hikayat*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Muhammad Jalaluddin. 2008. *Membentuk Peribadi Mukmin*. Kuala Lumpur: Pustaka Al-Syafa.
- S. Septiawadi. 2013. Pergolakan pemikiran tasawuf di Indonesia: kajian tokoh sufi Ar-Raniri. *Jurnal Studi Agama dan Pendidikan Islam*. 7(6): 183-199.
- Syed Muhammad Naquib Al-Attas. 1999. *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Tsugitaka Sato. 2007. The sufi legend of Sultan Ibrahim b. Adham. *ORIENT* 42(7): 41-54.

## NOTA HUJUNG

<sup>1</sup> Salah satu polemik terbesar yang berlaku dalam sejarah masyarakat Melayu merupakan pertembungan di antara Nuruddin Al-Raniri yang beraliran fikah, dengan pengikut Hamzah Fansuri yang menganut fahaman Wujudiyah. Pada saat Sultan Iskandar Thani menjadi pemerintah Aceh, Nuruddin Al-Raniri telah diangkat sebagai mufti kerajaan. Lanjutan daripada lantikan tersebut, beliau mula menggerak usaha ‘pembersihan akidah’ terhadap kelompok masyarakat yang berpegang kepada aliran Wujudiyah. Bersandarkan kepada dukungan kuat pemerintah, karya-karya Hamzah Fansuri telah dibakar, malah Nuruddin turut mengeluarkan fatwa ancaman bunuh terhadap golongan yang ingkar (S.Septiawadi 2013: 189).

<sup>2</sup> Menurut Russell Jones (1983), hikayat ini juga mempunyai kepelbagaiannya versi, iaitu lima versi bagi cerita panjang, serta lima versi bagi cerita pendek. Selain dipertuturkan secara lisan dalam pengajian agama dan digolongkan dalam kesusasteraan hikayat, kisah yang menyentuh mengenai keperibadian unggul Ibrahim Adham juga turut dirakamkan dalam genre ketatanegaraan oleh Nuruddin Al-Raniri menerusi kitab *Bustan Al-Salatin*.

<sup>3</sup> Para penyair sufi di Parsi dan Timur Tengah kerap menggunakan perlambangan ‘burung’ dalam karya mereka, dalam usaha mengungkapkan konsep ‘nur’ dan pencarian makrifat diri. Farid Al-Din Attar sebagai contoh, telah mengarang sebuah puisi berjudul *Mantiq Al-Tair* yang bermaksud ‘percakapan burung’. Ianya mengisahkan tentang sekumpulan burung yang bersiap sedia di bawah pimpinan seekor burung yang dikenali sebagai *Hoopoe* untuk mencari raja mereka yang penuh misteri bernama *Simurgh*. Kumpulan burung tersebut telah mengambara sejauh tujuh lembah kehidupan (kerohanian) iaitu cinta, pengasingan diri, makrifat, persatuhan, zawq, fana, dan akhirnya yang tinggal hanya 30 ekor burung. Mereka kemudiannya menemui hakikat bahawa yang mereka cari itu adalah diri mereka sendiri (*Simurgh*). Perlambangan seumpamanya juga kerap diguna pakai oleh Hamzah Fansuri di dalam puisi-puisinya seperti Syair Burung Pungguk dan Syair Burung Pingai, serta dalam dunia kesusasteraan hikayat iaitu *Hikayat Nur Muhammad* (Md. Salleh Yaapar 2002; Hamdan Hassan 1980).

<sup>4</sup> Menurut Syeikh Abu Bakar Jabir Al-Jazairi (2006: 827) dalam menafsirkan ayat tersebut di dalam kitabnya *Tafsir Al-Aisar*, kata-kata tersebut adalah dilafazkan oleh Nabi Yusuf ketika meminta raja untuk menyiasat permasalahan para wanita, termasuklah isteri para pembesar yang telah melukai tangan mereka sendiri. Nama baik Nabi Yusuf kemudiannya dapat dipulihkan, ditambah dengan keyakinan Al-Aziz bahawa Yusuf tidak berlaku khianat terhadap beliau. Dari satu sisi dia menundukkan dirinya sedangkan di sisi yang lain dia mempunyai hasrat terhadap Zulaikha. Meskipun demikian, Nabi Yusuf bersegera memohon ampun daripada Allah dan membersihkan diri kerana Allah SWT tidak akan menghukum hamba-Nya yang telah bertaubat.

<sup>5</sup> Hadis dipetik daripada laman sesawang Jabatan Mufti Persekutuan; <http://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-al-hadith/2381-irsyad-al-hadith-siri-ke-264-fitnah-dan-kemuliaan-wanita>

<sup>6</sup> Al-Quran telah menerangkan beberapa sifat bidadari yang menunjukkan kebaikan, kecantikan, akhlak, kebersihan, dan keelokan bentuk tubuh mereka yang sempurna. Juga dikhaskan bahawa para bidadari memiliki sepasang mata yang indah laksana mutiara. Bidadari memainkan peranan sebagai peneman dan pelayan kepada golongan manusia yang beriman sewaktu hidup di atas dunia. Firman Allah SWT (Surah Al-Waqi’ah ayat 35-38) yang bermaksud; “Sesungguhnya Kami ciptakan mereka (bidadari-bidadari) dengan langsung. Dan Kami jadikan mereka gadis-gadis perawan. Penuh cinta lagi sebaya umurnya. (Kami ciptakan mereka) untuk golongan kanan.”

<sup>7</sup> Dalil mengenai keutamaan jihad dan agama yang melangkaui keutamaan lainnya dapat diperhatikan menerusi Surah Al-Taubah ayat 24 yang bermaksud; Katakanlah, “Sekiranya bapa-bapamu, anak-anakmu, saudara-saudaramu, isteri-isterimu, kaum keluargamu, dan harta benda yang kamu usahakan, dan perniagaan yang kamu bimbangkan akan merosot, dan rumah-rumah tempat tinggal yang kamu sukai, menjadi perkara-perkara yang kamu cintai lebih daripada Allah dan Rasul-Nya dan daripada berjihad untuk agama-Nya, maka tunggulah sehingga Allah mendatangkan keputusan-Nya, kerana Allah tidak akan memberi petunjuk kepada orang yang fasik.”

